

02/05/1999

Pemimpin terus selar Wan Azizah

Zulkofli Jamaludin; Yahya Awang

KUALA LUMPUR: Pemimpin Umno terus menyelar tindakan Presiden Parti Keadilan Rakyat (KeADILan), Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, yang cuba mendapatkan sokongan luar dengan menyifatkan tindakan itu membelakangkan kepentingan negara.

Di BAGAN SERAI, Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata tindakan Dr Wan Azizah itu juga membuktikan beliau tidak yakin dengan sokongan rakyat negara ini.

"Negara Asean tidak harus campur tangan dalam urusan dan masalah sesuatu negara anggota bagi memastikan hubungan baik dalam rantau itu terus terpelihara.

"Adalah tidak sesuai negara anggota Asean memberi sokongan kepada pemimpin pembangkang negara jiran yang menentang kerajaan," katanya ketika mengulas lawatan Dr Wan Azizah ke Filipina bagi mengumpul sokongan dan dakwaan yang mengaitkan peristiwa 'kuasa rakyat' yang pernah berlaku di negara itu kini menular di Malaysia.

Isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu berada di negara itu atas jemputan bekas presiden, Corazon Aquino, yang mengetuai gerakan rakyat menumbangkan kerajaan Ferdinand Marcos, selepas suaminya, Benigno Aquino ditembak mati.

Dalam temu bual dengan stesen televisyen, Dr Wan Azizah menyuarakan persamaan antara Malaysia dengan Filipina ketika negara itu diperintah oleh Marcos dengan mendakwa rakyat Filipina sudah membuktikan diktator sebenarnya boleh ditumbangkan.

Ramli yang menyifatkan tindakan mendapatkan sokongan luar adalah sia-sia berkata, tindakan negara yang campur tangan itu akan hanya menjejaskan hubungan baik yang dipupuk selama ini.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan, Abdul Azim Mohd Zabidi, berkata rakyat akan menolak sebarang bentuk keganasan kerana lebih mengutamakan perpaduan dan keharmonian negara.

"Setelah gagal 'memberontak' ala reformasi Indonesia, beliau (Wan Azizah) beralih cara rakyat Filipina mengusir Presiden Marcos.

"Usaha beliau tidak akan mendatangkan hasil kerana rakyat Malaysia cintakan keamanan, perpaduan dan kemajuan tanah air," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Azim berkata, isteri bekas timbalan perdana menteri itu kini sudah kehabisan modal dalam memenangi hati rakyat.

"Simpati masyarakat terhadapnya sudah maksimum dan tidak lagi boleh membantu beliau melepaskan suaminya. Sehubungan itu, beliau ke luar negara dan menggadaikan maruah bangsa asal saja keperluan peribadi terlaksana," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein kesal dengan tindakan Dr Wan Azizah yang menyamakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan bekas Presiden Filipina, Ferdinand Marcos.

Katanya, perbezaan begitu ketara antara Perdana Menteri dan Marcos, oleh itu tidak sebab untuk rakyat bangkit menuntut perubahan.

"Dr Mahathir sudah melaksanakan pelbagai perubahan dan kemajuan di negara ini sedangkan rakyat Filipina begitu ketinggalan dan hidup dalam kemiskinan ketika di perintah Marcos," katanya selepas merasmikan penutup perhimpunan raksasa pergerakan Pemuda Umno Negeri Terengganu, di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza), Gong Badak, dekat sini, semalam.

Ketua Penerangan Pemuda Umno negeri, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh

dan Ketua Pemuda Umno Marang, Tengku Zainuddin Zaid, hadir sama.

Katanya, Dr Wan Azizah terpaksa pergi ke Filipina untuk mendapati sokongan dan simpati kerana perjuangan mereka tidak mendapati sokongan sebilangan besar rakyat negara ini.

"Saya menasihatkan Dr Wan Azizah menghentikan tindakan sedemikian yang dianggap tidak patriotik dan berkepentingan peribadi.

"Perjuangannya bersama KeADILan wajar dihentikan kerana sambutan rakyat terhadap perjuangan parti itu tidak seberapa kerana mereka yang fanatik terhadap pemimpin tertentu," katanya.

Dalam perkembangan yang lain, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd Shafie Afdal, menegaskan Filipina boleh berbuat apa saja tetapi jangan melampau batas sehingga boleh menyinggung perasaan rakyat negara ini.

Menurut beliau, hubungan Malaysia dan Filipina boleh terjejas sekiranya presiden negara itu, Joseph Estrada, tidak berhati-hati dan tidak menghormati keharmonian hubungan antara negara Asean.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Umno bahagian Kuala Nerus di Wisma Umno Batu Enam dekat sini, pagi semalam, beliau berkata Manila pasti tahu bahawa Datik Seri Wan Azizah Ismail adalah ketua parti pembangkang di negara ini.

Katanya, Filipina seharusnya peka supaya keharmonian antara Kuala Lumpur dan Manila terus erat tanpa menimbulkan syak wasangka walau dalam apa keadaan sekalipun.

(END)